# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# ISNIN 6 MEI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4.<br><br>5.<br><br>6.<br><br>7.<br><br>8.<br><br>9.<br><br>10.<br>11.<br><br>12.<br><br>13. | PERTIMBANG BAKAR BOT NELAYAN ASING, DALAM NEGERI, UM -5<br>KERAJAAN KAJI MUSNAH BOT NELAYAN ASING CEROBOH PERAIRAN, ISU, BH -14<br>KERAJAAN PERTIMBANG MUSNAH BOT NELAYAN ASING CEROBOH PERAIRAN NEGARA, NEWS, THE NUSANTARA DAILY -10<br>KERAJAAN TAK TOLAK KEMUNGKINAN MUSNAHKAN BOT NELAYAN ASING CEROBOH PERAIRAN, NEWS, MALAYSIA MSN -6<br>KERAJAAN PERTIMBANG MUSNAH BOT NELAYAN ASING CEROBOH PERAIRAN NEGARA, NEWS, SARAWAK VOICE -10<br>3 DEPTS WORK TOGETHER ON MAROTIME PATROL TO CRACK DOWN ON ILLEGAL FISHING BOAT, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A19<br>AGRICULTURAL MINISTER: MALAYSIA MAY DESTROY ILLEGAL FOREIGN FISHING BOATS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A22<br>SALAHUDDIN: OPERATION TO TACKLE ISSUE OF ENCROACHMENTS BY FORIGN FISHERMEN BROUGHT UP IN, NEWS, SIN CHEW DAILY (JOHOR) -3<br>MOA, MEA COLLABORATE TO ENHANCE AGRICULTURAL DEVELOPMENT, CORPORATE MALAYSIA, THE MALAYSIAN RESERVE -4<br>SEDIA BERI KERJASAMA TURUNKAN HARGA IKAN, NEWS, SH (SELATAN) -19<br>FREQUENT FISH THEFT REPORTED AT WHOLESALE MARKET, NEWS, NANYANG SIANG PAU -B1<br>INDONESIA SINKS 51 ILLEGAL FISHING BOATS, SEE HUA SUPPLEMENT, SEE HUA DAILY NEWS (KUCHING) -13<br>TRESPASSING BOATS MAY GET DESTROYED, NATION, THE STAR -11 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 14. | JADIKAN HARUMANIS HAMPER AIDILFITRI, DALAM NEGERI, UM -44 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA |
| 15. | 16 NELAYAN VIETNAM DIDENDA RM1.5 JUTA, SETEMPAT, SH -38 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 16.<br>17. | FAMA DAPATKAN BEKALAN DARI PENDALAMAN, DALAM NEGERI, UM -12<br>SUHAIDI PROMOSIKAN MINUMAN BATANG KELAPA SAWIT, NIAGA, KOSMO -46 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 18.<br>19.<br>20. | KELULUT AGEN BAIK UNTUK BELIMBING, MEGA AGRO, UM -28<br>BELIMBING DIBERI KEUTAMAAN, MEGA AGRO, UM -29<br>KERAJAAN PH TIDAK SEPATUTNYA BERI LESEN NELAYAN VIETNAM, NASIONAL, HARAKAH -N22 | LAIN – LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |



SALAHUDDIN AYUB (tengah) menandatangani sijil ikrar taat Persatuan Pemborong Ikan Johor Bahru di Johor, semalam. - BERNAMA

# Pertimbang bakar bot nelayan asing

Oleh NURUL HUDA HASSAN
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 5 MEI

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani tidak menolak akan mengambil langkah lebih drastik termasuk membakar bot yang ditahan seperti dilakukan Indonesia sekiranya usaha membanteras pencerobohan nelayan asing di perairan negara masih gagal ditangani.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, buat masa ini, kerajaan bersetuju untuk menubuhkan pasukan khas membabitkan kementeriannya, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar bagi membanteras kegiatan pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

Menurutnya, penubuhan pasukan khas itu bagi menunjukkan ketegasan pihaknya yang mahu membanteras masalah tersebut, namun jika masih tidak berkesan, beliau akan membawa perkara tersebut ke peringkat Kabinet untuk perbincangan lanjut.

"Jadi, bila kita buat penguatkuasaan di peringkat tertinggi, kita dapat lihat berlakunya tangkapan, malah kapal perang kita juga sudah mula melakukan pemantauan di perairan dan paling tidak pun saya pasti sudah ada pengurangan pencerobohan itu, tindakan bersepadu yang kita ambil.

"Buat masa ini, kita cuba pendekatan yang ini (pasukan khas) dahulu," katanya kepada pemberita dalam majlis Jamuan Ulang Tahun ke-40 Persatuan Pemborong Ikan Johor Bahru di sini hari ini.

Sementara itu, mengulas mengenai pertemuan dengan Persatuan Pemborong Ikan Johor Bahru, Salahuddin berharap agar dapat menjadi platform antara kementerian dan pihak berkenaan dalam menangani isu kenaikan harga ikan yang melampau.

"Saya berharap ada sesuatu yang dapat kita rundingkan dengan mereka. Ada empat kementerian yang akan bermesyuarat membincangkan mengenai harga rantaian ikan yang begitu mahal dan rakyat banyak merungut tentang kenaikan harga ikan," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/5/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 14 |

# Kerajaan kaji musnah bot nelayan asing ceroboh perairan

**Tindakan tegas jika penubuhan pasukan petugas khas tidak berkesan tangani isu**

Oleh Ifwan Tun Tuah
ifwan@bh.com.my

Johor Bahru

Kerajaan tidak menolak kemungkinan mengkaji tindakan lebih tegas terhadap bot nelayan asing yang menceroboh perairan negara termasuk memusnahkannya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata tindakan itu bagaimanapun hanya akan dipertimbangkan jika langkah menangani isu berkenaan pada masa ini, termasuk penubuhan pasukan petugas khas oleh Kabinet, tidak berkesan.

"Penubuhan pasukan khas membabitkan beberapa kementerian serta agensi termasuk Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) baru-baru ini membuktikan kita melaksanakan tindakan penguatkuasaan pada peringkat tertinggi.

"Kita lihat sudah ada tangkapan dan dengan kapal perang (TLDM) meningkatkan rondaan di perairan kita, terutama Laut China Selatan, bilangan kes pencerobohan semakin berkurangan," katanya di sini, semalam.

## Atasi pencerobohan luar

Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini mengumumkan penubuhan pasukan khas diketuai kementeriannya untuk mengatasi isu pencerobohan nelayan, terutama dari Vietnam.

Tiga lagi kementerian yang terbabit dalam pasukan itu ialah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar.

Selain itu, tujuh agensi penguatkuasaan turut terbabit dalam pasukan berkenaan termasuk Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), TLDM, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Imigresen, polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).



"Kita lihat sudah ada tangkapan dan dengan kapal perang (TLDM) meningkatkan rondaan di perairan kita, terutama Laut China Selatan, bilangan kes pencerobohan semakin berkurangan"

*Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*




*Keratan akhbar BH pada 25 April 2019.*

Ditanya lanjut mengenai tindakan meletup dan membakar bot nelayan asing seperti dilakukan oleh Indonesia, Salahuddin berkata, beliau mahu mengatasi isu itu dengan berhati-hati dan mengambil tindakan secara berperingkat.

## Gabungan kementerian langkah pertama

"Penggabungan kementerian (penubuhan pasukan khas) ini adalah langkah pertama kerana kementerian saya tidak boleh bergerak sendiri.

"Kalau dengan pembabitan pelbagai kementerian termasuk Kementerian Pertahanan ini pun mereka (nelayan asing) hendak langgar (ceroboh) juga, saya akan fikirkan sesuatu termasuk tindakan sama (seperti Indonesia meletup dan membakar). Kita akan hapuskan bot mereka," katanya.

Kelmarin media melaporkan Indonesia mula menenggelamkan puluhan bot nelayan asing yang disita termasuk dari Vietnam dan Malaysia dalam usaha mencegah aktiviti penangkapan ikan secara haram di perairannya, seminggu selepas kapal tentera laut negara itu bertembung dengan bot pengawal pantai Vietnam di Laut China Selatan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan pertimbang musnah bot nelayan asing ceroboh perairan negara | | |
| MediaTitle | The Nusantara Daily (http://thenusantaradaily.com) | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Kerajaan pertimbang musnah bot nelayan asing ceroboh perairan negara

Salahuddin berkata ia langkah akhir yang akan dilakukan kementerian bagi memerangi pencerobohan kapal nelayan asing. -Gambar fail
JOHOR BAHRU,. Kerajaan tidak menolak kemungkinan memusnahkan kapal menangkap ikan milik warga asing yang menceroboh masuk ke...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan tak tolak kemungkinan musnahkan bot nelayan asing ceroboh perairan | | |
| MediaTitle | Malaysia MSN(malaysia.msn.com) | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 1 |
| Order Rank | 6 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,050 |

# Kerajaan tak tolak kemungkinan musnahkan bot nelayan asing ceroboh perairan

ifwan@bh.com.my JOHOR BAHRU: Kerajaan tidak menolak kemungkinan mengkaji tindakan lebih tegas terhadap bot nelayan asing yang menceroboh perairan negara termasuk memusnahkannya.
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata tin...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kerajaan pertimbang musnah bot nelayan asing ceroboh perairan negara | | |
| MediaTitle | Sarawak Voice (sarawakvoice.com) | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Kerajaan pertimbang musnah bot nelayan asing ceroboh perairan negara

JOHOR BAHRU: Kerajaan tidak menolak kemungkinan memusnahkan kapal menangkap ikan milik warga asing yang menceroboh masuk ke perairan negara, termasuk tindakan membakar bot sepertimana yang dilakukan di Indonesia.
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani,...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 3 depts work together on maritime patrol to crack down on illegal fishing boat | | |
| MediaTitle | Oriental Daily News | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 85,616 |
| Page No | A19 | Readership | 256,848 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 579 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,770 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 20,310 |



# 3部门联手 海上巡逻防非法渔船

**新山5日讯** 外国渔船擅闯大马海域捕鱼的情况引起政府关注，内阁议决由三大部门，即国防部、农业与农基工业部及内政部联手合作，在大马海域展开巡逻，防止上述事件一再发生。

[illegible]

## 探讨是否销毁渔船

[illegible]

## 吁批发商积极对话

[illegible]



新山渔业批发商会40周年庆宴会上，沙拉胡丁阿育（左5起）、戴华山及众理事一同进行切蛋糕仪式。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agricultural Minister: Malaysia may destroy illegal foreign fishing boats | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A22 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 846 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 10,642 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 31,925 |




## 农长：特工队策略若无效

# 大马或“销毁”越境渔船

**（新山5日讯）农业与农基工业部长拿督沙拉胡丁说，该部、国防部与内政部三方组成的特别工作队，若无法杜绝外国船入侵我国水域捕鱼问题，他不排除我国会以强硬手法，即“销毁”越境而被扣留的渔船。**

**他说，最近他在内阁提呈建议，政府有必要取缔外国船越境捕鱼的情况，并建议该部、国防部与内政部三方组成的特工队，联手展开更多的海上巡逻工作，改善问题。**

当询及我国会不会仿效印尼销毁遭扣押的外国越境渔船时，沙拉胡丁说，该部是联合其他部门处理此事，他们不能单独行事，所以第一步骤先要做好与各部门的协调，以巡逻方式加强执法。

惟他认为，一旦特工队的巡逻策略无法奏效，就likely如国防部出动介入，外国渔民仍要违规闯入我国海域，政府可能也采取一样的措施，销毁他们的船。

“销毁渔船是之后的事，要真正落实还必须先带入内阁讨论。”

他今午出席新山渔业批发商公会40周年会庆及第20届理事就职午宴时，召开记者会这么说。

尽管如此，沙拉胡丁相信，当我国进行最高级别的海上联合执法行动时，会看到扣押渔船行动的效果，何况当我国的战舰开始在水域上监视时，他确信外国渔船的侵略行为会有所减少。

这之前，内政部长丹斯里慕尤丁提到，外国渔船入侵大马海域，导致我国每年损失60亿令吉，为此内阁将成立一个由4个部门及7个执法机构组成的特别工作队，希望杜绝外国船入侵事件。



**切“鱼蛋糕”仪式，前排左起是刘春何、陈亚诚、卡马鲁扎曼、倪宏基、沙拉胡丁、戴华山与王亚水。**

值得一提的是，这场会庆活动也精心准备一具鱼形蛋糕，让沙拉胡丁及一众新山渔业批发商公会理事一起“切鱼”。

### 促检讨取消B牌渔船执照

陪同者包括新山渔业批发商公会永久名誉会长倪宏基、会长戴华山、总务王亚水、副会长卡马鲁扎曼、交际陈亚诚与理事刘春何人。

另外，马来西亚渔业总会总会长谢添僖再次促请政府，重新检讨B牌渔船将于2020年取消执照的决定，因为国内有数千名B型渔船渔夫长期靠此微薄收入维生，一旦B牌执照被取消，他们就马上失去长期依赖养家的工具，让他们如何维持生活？

## 缩短市场供应链

# 搜集民意维持鱼价

沙拉胡丁指出，政府注意到国内出现鱼类价格昂贵的问题，他将开放讨论和对话，确保大家合作缩短市场供应链，让鱼价维持在公道的价位，缔造双赢及造福人民。

他说，一般渔业的供应链，分为渔夫捕鱼后载往码头上货，码头再发货给批发商，批发商把这些渔获分配给鱼贩，惟执法单位发现一些原本负责运送渔获批发的外籍员工，直接参与将渔获拿到市场去卖，让供应链变的更大及价格未受到管制。

“这情况的确发生，包括在新山的市场上，原本渔船捕捞的的鲜鱼只售4令吉，但经过连串的供应链，最后售予消费者的价格已是22令吉。”

他提到，要解决此问题，不能直接消灭“中间人”，业界的供应链操作由来已久，所以要改善问题，需要各方多对话及寻求解决方案，他乐意与各方商讨与收集人民的意见。

| Headline | Salahuddin: Operation to tackle issue of encroachments by foreign fishermen brought up in | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily (Johor) | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 70,157 |
| Page No | 3 | Readership | 210,471 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 333 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,280 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,839 |



## 沙拉胡丁：已在内閣提出

# 取締越界外國漁民

（新山5日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，他已在内阁提出有必要让该部、国防部和内政部展开联合执法行动，以取缔擅闯我国海域捕鱼的外国渔民。

“若我们展开联合取缔行动，并进行逮捕，战舰也开始在我国海域巡逻，至少可以减少外国渔民擅闯我国海域的事件。所以，我们先尝试这样的做法。”

针对会否效仿印尼炸沉在该国海域非法捕捞的外国渔船的作法，他表示会谨慎和仔细地研究这个问题。

他说：“若执法行动没有成效，我不排除会采取类似手段，但是，在执行前会先带到内阁讨论。”

“我们第一步是结合3个部门的力量，因为农基部无法单独行事，我们需要结合其他部门的优势。”

沙拉胡丁今日为新山渔业批发商公会40周年庆午宴开幕，以及为该会第二十届理事就职礼监誓前在新闻发布会上发表有关谈话。

### 设特委会商缩短销售链降鱼价

另一方面，沙拉胡丁表示，内阁已同意成立特别委员会，以开会商讨缩短国内的渔获销售链，降低鱼价。

他说，该委员会成员包括：农业及农基工业部、内政部、国内贸易及消费人事务部、房屋及地方政府部。

他表示，目前渔获从渔民卖到消费者手上，需要经过收货商、批发商和零售商，而且在批发商和零售商之间，还多了一层“外劳”，使得渔获销售链变长。

他说：“这些外劳是指搬运渔箱的工人，他们也把鱼价往上抬，因此我们要缩短销售链。我们正在调查这些‘外劳’是否由集团操控。”



沙拉胡丁：已在内阁提出有必要让农业及农基工业部，国防部和内政部展开联合执法行动，以取缔擅闯我国海域捕鱼的外国渔民。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MoA, MEA collaborate to enhance agricultural development | | |
| MediaTitle | The Malaysian Reserve | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | Corporate Malaysia | Circulation | 12,000 |
| Page No | 4 | Readership | 36,000 |
| Language | English | ArticleSize | 356 cm² |
| Journalist | AFIQ AZIZ | AdValue | RM 3,294 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,881 |



# MoA, MEA collaborate to enhance agricultural development

by AFIQ AZIZ



**The success of this synergy will benefit stakeholders in the agriculture sector, including consumers, says Salahuddin**

THE Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MoA) and Ministry of Economic Affairs (MEA) are set to leverage on their expertise and resources respectively to boost the agriculture and food sector.

MoA Minister Datuk Salahuddin Ayub said the cooperation is expected to create synergy between the ministries to eliminate overlapping function and wastage of resources.

"The success of this synergy will benefit stakeholders in the agriculture sector, including consumers.

"When crops and livestock are produced at a high-quality level with higher prices, it will meet the market's needs and generate better incomes for farmers, settlers and smallholders," Salahuddin told the press after a meeting with MEA Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Salahuddin said MoA agencies such as Farmers' Organisation Authority are expected to provide technical knowledge through the collaboration, while the MEA, which hosts various agricultural-related departments such as the Federal Land Development Authority (Felda), Felcra Bhd and Rubber Industry Smallholders Development Authority, will provide extensive landbanks for agricultural development.

A task force comprising agencies in both ministries will be formed for the initiative.

Azmin said the move will help the government to achieve the economies of scale in the agricultural sector and increase the national food supply guarantee, mitigating the food trade deficit.

"Our trading balance is quite worrisome, which causes the government to explore a new solution to solve this matter.

"For instance, on average, our food export increased by 2.2% annually for 2017 and 2018. However, the import increased by 3.5% for the same period. That caused a trade deficit in the food sector," he explained.

Azmin said for sugar and honey products, the annual deficit recorded over the period stood at RM3.2 billion.

Other products that recorded a trade deficit are meats at RM3.2 billion, vegetables (RM3.3 billion), cereals (RM3.4 billion), and food and livestock (RM3.9 billion).

"Some of them could be produced locally if we use new technologies and approaches.

"The MoA has also suggested immediate action plans such as the enhancement of cash crops and integration crops production by leveraging modern farming approaches such as hydroponic and aquaponic, fertigation and vertical farming," he added.

"These industries could provide better revenues to the people and reduce the reliance on imported food."

According to Azmin, both ministries have been briefed on vacant federal plots of land and they plan to develop it for farming purposes.

"It is better that we develop these plots for the agriculture industry and with the skills and expertise of the MoA, they can determine the soil fertility for certain industries," Azmin added.

The strategic discussion was held following the Felda white paper presentation in the Dewan Rakyat last month, which suggested that the government explore new yields through collaborations to improve the economies of scale.

The government has also agreed to allot RM1 billion for the new yields programme to be implemented within four years, from 2019 to 2022.

On a separate note, Azmin said the special Cabinet meeting held last Wednesday addressed the pressing issue of graduates' qualification and skills mismatch in the job market.

He said the government found six out of 10 job vacancies are on technical and vocational courses, while seven out of 10 students graduated in humanities courses.

"We need to look back at our education system on how the output would be able to meet the industries' demands," he said.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Sedia beri kerjasama turunkan harga ikan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Selatan) | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 20,000 |
| Page No | 19 | Readership | 60,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 168 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,703 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,109 |



# Sedia beri kerjasama turunkan harga ikan

**JOHOR BAHRU** - Persatuan Pemborong Ikan Johor Bahru sedia bekerjasama dengan kerajaan bagi menangani masalah kenaikan harga ikan di pasaran.



WAH SUN

Pengerusinya, Tai Wah Sun bagaimanapun berkata beberapa perkara yang menyebabkan faktor kenaikan harga ikan perlu diteliti terlebih dahulu sebelum masalah ditangani.

"Kita boleh turunkan harga ikan dan bersedia bekerjasama dengan kerajaan bagi menangani masalah ini.

"Memang kita pun nak bantu rakyat untuk turunkan harga ikan tapi rakyat juga kena faham kalau ikan kurang harga memang naik," katanya pada Majlis Angkat Sumpah AJK Persatuan Pemborong Ikan Johor Bahru Penggal ke-20 di sini semalam.

Ditanya tentang kenyataan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub yang mendakwa warga asing mewujudkan rantaian baharu dalam perniagaan ikan sehingga harganya meningkat, Wah Sun berkata, perkara itu tidak berlaku di Pasar Borong Pandan di Johor Bahru.

"Di Pasar Borong Pandan warga asing yang menolak tong ikan sudah dibayar gaji.

"Di pasar borong lain pula pemilik kedai beri kepada pekerja Myanmar atau Bangladesh untuk menjaga kedai dan lama-kelamaan mereka menjualnya di tepi pasar secara haram," katanya.

Terdahulu, Salahuddin mendakwa, warga asing yang menolak tong ikan di pasar turut menjadi rantaian baharu antara pemborong dengan peruncit apabila mereka juga tak terkecuali menaikkan harga ikan yang dijual.

Dalam pada itu, beliau berkata, pihaknya menasihatkan ahli persatuan supaya mengutamakan warga tempatan sebagai pekerja dalam sektor berkenaan.

Katanya, ia dapat membantu perkembangan ekonomi negara dalam jangka masa panjang.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Frequent fish theft reported at wholesale market | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau (Johor) | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 51,000 |
| Page No | B1 | Readership | 153,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1050 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,403 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 16,209 |



（新山5日讯）新山渔业批发商公会会长戴华山指出，这两年鱼价好，新山区批发市场的偷鱼问题频密，有时一周发生两次，该会除了与警方加强合作与提供情报，他也呼吁鱼贩或餐馆业者不要收购来历不明的渔获。




沙拉胡丁（前排右五）见证新山渔业批发商公会第20届理事就职，前排右四是戴华山，右六是倪家华。

# 批发市场频传偷鱼

## 戴华山：餐馆勿购来历不明渔获



戴华山

### 新山渔业批发商公会庆40周年

戴[illegible]

[illegible]



戴华山（左）带领新届理事宣誓就职，由沙拉胡丁（右三）见证。

## 渔业批发业者应多聘本地人

[illegible]

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Indonesia sinks 51 illegal fishing boats | | |
| MediaTitle | See Hua Daily News (Kuching) | | |
| Date | 06 May 2019 | Color | Full Color |
| Section | See Hua Supplement | Circulation | 63,549 |
| Page No | 13 | Readership | 190,647 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 52 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 583 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,749 |



印尼 ▶ 海域

# 炸沉51艘非法漁船



为了打击非法捕鱼活动，当局上周六炸毁了51艘外国渔船。其中38艘来自越南、6艘源自马来西亚、2艘中国渔船、1艘菲律宾船只，其余则是使用印尼旗帜的外国船只。这些炸沉行动在印尼群岛的5个港口进行。

海事与渔业部长苏西称，为发挥阻遏作用，炸沉非法捕捞的渔船是必要的。

她说：「在我们的水域非法捕鱼，此罪行已发疯，我们不能再容忍。」图为当局在西加里曼丹省水域炸沉一艘越南渔船。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/5/2019 | THE STAR | NATION | 11 |


# Trespassing boats may get destroyed

## Fishing vessel encroachment prompts defensive measures, protest note to Vietnam

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** Malaysia, which will send a protest note to Vietnam over the encroachment by its fishermen into waters here, is not ruling out destroying wayward foreign fishing vessels.

This would be the government's last course of action, especially if the crew on these boats behaved aggressively towards enforcement officers, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub.

"If these foreign fishing vessels attempt to deliberately collide with our navy, then maybe destroying such vessels would be an option to consider," he told reporters during the Johor Baru Fish Wholesaler Association's 40th anniversary luncheon here yesterday.

Salahuddin said the government had already set up a multi-ministry taskforce, comprising representatives from his ministry and those from the Defence and Home portfolios, to deal with the encroachment of foreign fishing vessels.

"So far, through joint enforcement efforts, we have been able to decrease the presence of foreign fishing vessels within Malaysian waters," he added.

In Kuantan, Bernama quoted Foreign Minister Datuk Saifuddin Abdullah as saying that Malaysia would send a protest note to Vietnam on the encroachment by its fishermen into Malaysian waters.

He said the protest note would be issued soon and the government would request for an explanation from the Vietnam embassy in Malaysia.

"In cases involving the encroachment of our waters by foreign fishermen, the authorities will take action by chasing them out or confiscating their boats, depending on the agreement between the two countries.

"If the foreign fishermen are caught here, we will go by the procedures.

"We usually do not like to detain the boats for a long time and will hand them over once everything has been settled," he told a press conference after presenting contributions to mosques and surau here yesterday.

He was commenting on media reports about two Vietnamese fishing boats believed to have encroached into Malaysian waters and detained by the Malaysian navy in the South China Sea.

Saifuddin said the government would also work towards getting back five local fishing boats that were detained in the Straits of Malacca by Indonesian authorities last year.

> "We usually do not like to detain the boats for a long time and will hand them over once everything has been settled."
>
> **Datuk Saifuddin Abdullah**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 44 |



TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL dan Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil berkenan menunjukkan antara produk hiliran berasaskan harumanis sempena Festival Jualan Mangga Harumanis Perlis 2019 di Kangar, Perlis, kelmarin. - BERNAMA

# Jadikan harumanis hamper Aidilfitri

**KANGAR 5 Mei** - Syarikat-syarikat korporat di negara ini disaran menjadikan buah mempelam harumanis sebagai hamper untuk dikirimkan kepada pelanggan serta rakan-rakan strategik sempena Hari Raya Aidilfitri nanti.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail bertitah, hal ini kerana, musim kemuncak harumanis tahun ini serta dua tahun ke depan adalah dijadual pada Mei dan Jun.

Selain itu, titah baginda, terdapat juga pelbagai produk hiliran lain yang menarik dihasilkan berasaskan harumanis boleh digunakan sebagai cenderamata.

"Bagi yang berminat bolehlah membuat tempahan secara terus melalui pelbagai jaringan pengusaha harumanis sedia ada di negeri ini," titah baginda selepas melancarkan Festival Jualan Mangga Harumanis Perlis 2019, di Pusat Kecemerlangan Harumais Bukit Bintang, Sungai Batu Pahat di sini semalam.

Yang berangkat sama ialah Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Keberangkatan tiba baginda berdua disambut oleh Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Hafizuddin Othman dengan turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man.

Dalam pada itu, baginda turut mengesyorkan syarikat atau individu yang membekalkan hamper raya khususnya di ibu negara supaya mengunjungi Perlis untuk berbincang dan mendapatkan pembekal tempatan yang diyakini boleh menyediakan kualiti buah terbaik dengan harga yang dipersetujui bersama.

Dalam masa sama titah baginda, para pengusaha harumanis di negeri ini disarankan menghantar wakil untuk ke syarikat-syarikat pembekal hamper raya utama di Kulim, Kedah, Pulau Pinang dan ibu negara untuk menawarkan produk masing-masing.

"Anda tidak akan kecewa kerana keenakannya (harumanis). Sebaliknya terkilan atau tidak berpuas hati hanyalah kerana mungkin buah yang ditempah itu terlalu sedikit dan tidak mencukupi," titah baginda.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/5/2019 | SINAR HARIAN | SETEMPAT | 38 |

# 16 nelayan Vietnam didenda RM1.5 juta

**KUALA TERENGGANU**- Seramai 16 nelayan warga Vietnam dikenakan hukuman denda sebanyak RM1.5 juta di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam kerana cuba menangkap ikan di perairan negara tanpa kebenaran.

Tekong, Nguyen Thanh Tung, 36, dikenakan denda RM600,000 atau dua tahun penjara manakala 15 awak-awaknya berusia antara 21 hingga 50 tahun didenda RM60,000 atau setahun penjara setiap seorang selepas didapati bersalah di atas pertuduhan mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 (Akta 317).

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa cuba menangkap ikan di perairan Malaysia dengan menggunakan pukat tunda tanpa kebenaran daripada Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu pada jarak lebih kurang 78.2 batu nautika dari Kuala Terengganu kira-kira jam 7.50 malam, pada 15 Ogos tahun lalu.

Dengan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen yang dibaca bersama Seksyen 24(1) Akta sama dan Seksyen 34 Kanun Keseksaan boleh dihukum di bawah Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985, dibaca bersama Seksyen 52(1)(i) dan (ii) Akta yang sama.

Mahkamah turut mengarahkan vesel, peralatan komunikasi dan navigasi berserta peralatan menangkap ikan serta hasil tangkapan laut dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# FAMA dapatkan bekalan dari pedalaman

**ALOR SETAR 5 Mei** - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil inisiatif mendapatkan hasil pertanian dari kawasan pedalaman, dalam usaha untuk mengurangkan kebergantungan terhadap bekalan yang diimport.

Pengerusi FAMA, Ishak Ismail berkata, bekalan kelapa yang sebelum ini banyak diimport dari Indonesia misalnya, kini diperoleh dari Pulau Papabak, Sabah untuk pasaran Semenanjung sejak tahun lalu untuk mencukupkan jumlah permintaannya terutamanya ketika musim perayaan.

"Di sana, banyak kelapa tapi disebabkan berada di kawasan pedalaman ia sukar untuk dijual, jadi FAMA ambil langkah beli kelapa daripada mereka, sekali gus dapat membantu meningkatkan pendapatan masyarakat di sana.

"Jika ada petani di pedalaman yang bermasalah untuk jual hasil mereka, boleh berhubung dengan FAMA dan dalam masa terdekat kami akan ke Sik untuk lihat dan beli labu manis dan manggis di sana," katanya ketika program Bazar Peduli Rakyat di Dataran Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) di sini, hari ini.

Program diadakan sempena Ramadan esok, yang menawarkan pelbagai bahan mentah pada harga kurang 30 peratus daripada harga pasaran itu, dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar.

Dalam pada itu, Ishak berkata, bekalan bahan mentah utama seperti daging, ayam dan kelapa yang mendapat permintaan tinggi dijangka mencukupi sepanjang Ramadan sehingga menjelang Syawal.

Sementara itu, Mahfuz yang juga Ahli Parlimen Pokok Sena berkata, pengguna dinasihatkan agar mempelbagaikan penggunaan bahan mentah bagi mengelakkan sesuatu bekalan terputus.

"Pengguna perlu mengubah cara penggunaan bahan, contohnya, kalau hendak guna santan tidak semestinya perlu beli kelapa kerana ada santan kotak dan juga santan kelapa sawit, jadi bila pengguna pelbagaikan sumber soal bekalan tidak cukup tidak timbul. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/5/2019 | KOSMO | NIAGA | 46 |

# Suhaidi promosikan minuman batang kelapa sawit

Oleh IKHWAN IDERIS




MOHD. SUHAIDI (dua dari kiri) menerima anugerah daripada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub pada Majlis Perhimpunan Usahawan Bimbingan FAMA di Selayang baru-baru ini.



MOHD. SUHAIDI menunjukkan produk keluaran syarikatnya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

SELAYANG – Bukan mudah untuk memperkenalkan produk inovasi di pasaran lebih-lebih lagi melibatkan produk makanan dan minuman, pastinya wujud perasaan ragu-ragu dalam diri pelanggan untuk mencuba apatah lagi hendak membelinya.

Namun, berbekalkan semangat dan pengalamannya dalam dunia perniagaan sebelum ini, Pengarah Urusan Palm Fiber Sdn. Bhd. (Palm Fiber), Mohd. Suhaidi Ja'apar, 37, tekad untuk menghadapi segala kekangan dan cabaran untuk mempromosikan produk keluaran uniknya itu dengan pelbagai strategi menarik.

Pengeluar produk minuman berasaskan batang kelapa sawit, EG T Fiber mula beroperasi pada tahun 2016 dan berkeyakinan menembusi pasaran bukan sahaja kerana ia berkualiti malah berbaloi untuk wang pelanggan.

"Pada mulanya memang sukar dan ramai yang bersikap skeptikal sebab kami menggunakan batang kelapa sawit. Namun, kami terus melakukan promosi dan pemasaran secara konsisten secara online dan offline selain menyertai pelbagai acara pameran untuk mewujudkan kesedaran jenama di pasaran.

"Hasil penat lelah dan kerjasama dengan pelakon, Fahrin Ahmad sebagai rakan kerjasama, produk kami akhirnya mula diterima dan mendapat sambutan sekitar tahun lalu," katanya.

**Diari Usahawan Berjaya**

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas program Perhimpunan Usahawan Bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bersama Menteri di sini baru-baru ini.

Pada program tersebut, Mohd. Suhaidi dipilih sebagai penerima Anugerah Usahawan Global 2019 bagi kategori Agrobazaar Online.

Menurut anak kelahiran Melaka itu, EG T Fiber merupakan hasil kajian Food and Biomaterial Engineering Research Group (FoBERG), Universiti Teknologi Malaysia dan rasa minuman berkenaan seakan-akan teh cina.

Jelas beliau, bahan utama minuman tersebut ialah bahagian dalam batang kelapa sawit yang berusia lebih 24 tahun. Katanya, ciri-ciri bahan berkenaan yang kaya dengan fiber dipercayai mampu membantu sistem pencernaan dan penghadaman serta membantu peminumnya cepat berasa kenyang.

Mohd. Suhaidi berkata, pihaknya kini menjual antara 20,000 hingga 30,000 kotak EG T Fiber sebulan dan 60 peratus daripadanya adalah menerusi pasaran eksport.

"Untuk tahun ini, kami menyasarkan peningkatan jualan kira-kira 60 peratus kepada RM7 juta, terutamanya selepas produk ini berjaya memasuki pasaran China tahun lalu.

"Produk kami turut menembusi pasaran Singapura dan Azerbaijan," jelasnya sambil menambah, EG T Fiber boleh didapati di farmasi, kedai organik dan toko-toko jamu seluruh negara.

Mengulas lanjut berhubung perancangan masa depan syarikat, Mohd. Suhaidi berkata, pihaknya akan meneruskan kerjasama dengan FoBERG untuk memasarkan inovasi-inivasi baharu dalam industri hiliran kelapa sawit.

Jelasnya, Palm Fiber sedang mengintai peluang untuk memasarkan produk-produk mesra alam yang berasaskan tanaman tersebut.

"Kita boleh melihat peralihan pengguna terhadap produk dan perkhidmatan yang lebih hijau dan organik. Trend ini turut disokong beberapa peraturan baharu misalnya larangan penggunaan straw plastik dalam kalangan peniaga dan pengusaha kedai.

"Kami melihat potensi untuk memasarkan produk-produk yang boleh terurai misalnya straw, cawan dan pinggan yang diperbuat daripada bahan semula jadi.

"Ia bagaimanapun merupakan perancangan jangka panjang syarikat, mungkin sekitar lima tahun lagi," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 6/5/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MEGA AGRO | 28 |



# Kelulut agen baik untuk belimbing



BUNGA BELIMBING




Oleh AQILAH MIOR KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com


MADU kelulut memiliki nilai komersial yang tinggi dalam bidang perubatan dan kecantikan sehingga penternakan lebah kelulut semakin diminati ramai.

Ada dalam kalangan masyarakat menternak madu kelulut sebagai hobi tanpa menyedari potensi besar yang membawa keuntungan lumayan.

Kini, rata-rata penternak lebah kelulut tidak lagi menggunakan kaedah konvensional, sebaliknya berubah kepada teknik yang lebih moden dengan menggunakan bongkah kayu atau koloni kelulut yang diletakkan di bawah pokok.

Terbaharu, teknik meletakkan koloni di bawah pokok belimbing mampu menghasilkan jumlah dan kualiti madu yang setanding komersial.

Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Agrobiodiversiti dan Persekitaran (Penternakan Lebah Kelulut), **Mohd. Fahimee Jaapar** berkata, bagi penghasilan madu yang baik perlu bergantung kepada sumber makanan.

Sebelum ini ujian di lapangan yang dijalankan di Pahang dengan meletakkan 40 koloni spesis tamar di kawasan seluas 16 hektar berjaya mengumpul nilai maksimum iaitu sebanyak 1.5 kilogram madu.

Jumlah koleksi sebanyak 100 mikro gram per gram, iaitu lebih sedikit daripada madu yang diletakkan di kawasan yang pelbagai tanaman, namun masih setanding dengan jumlah komersial dari segi jumlah dan kualiti.

"Sesetengah orang kata, untuk memberi lebah makan hanya perlu sediakan pokok. Lagi banyak pokok lebih banyak madu yang akan dihasilkan.

"Pokok belimbing banyak khasiat. Kita berjaya peroleh jumlah madu yang banyak setanding komersial," ujarnya.

Katanya lagi, lebah kelulut akan keluar 'bekerja' seawal pagi kerana bergantung kepada cahaya matahari kerana pada ketika itu bunga akan berkembang.

"Selalunya lebah akan pulang ke koloni pada pukul 7 petang. Jika masih terlihat lebah pada pokok selepas masa itu bermakna mereka bermalam dan hanya akan pulang pada esoknya," jelasnya.

Kehadiran agen pendebungaan seperti lebah dan kelulut sangat penting supaya buah terbentuk dengan baik.

Pendebungaan yang baik dan lengkap menghasilkan buah berbentuk simetri.

"Rumah lebah atau kelulut boleh diletakkan dalam ladang belimbing. Kelulut akan mengintegrasikan buah belimbing sebagai penggalak bagi tetapan makan dalam menghasilkan buah," ujarnya lagi.

Pengendalian lepas tuai adalah peringkat pengeluaran tanaman sebaik sahaja selepas penuaian termasuk penyejukan, pembersihan, pengisihan dan pembungkusan.

Ini kerana sebaik sahaja tanaman berpisah daripada induknya dikhuatiri kualitinya mula merosot.

Kerana itu, rawatan lepas tuai perlu dilakukan dengan baik sama ada tanaman itu dijual segar atau digunakan untuk bahan makanan pemprosesan.

Menurut **Penyelidik Kanan, Pusat Penyelidikan Hortikultur (Pengendalian Lepas Tuai), Joanna Cho Lee Ying**, pengendalian lepas tuai bermula sebaik-baiknya dari ladang.

Langkah-langkah penjagaan mutu kualiti hasilan segar bermula dengan penuaian pada tahap kematangan yang optimum bagi mengurangkan kecederaan mekanikal semasa penuaian dan penghantaran buah ke rumah pembungkusan, pengurusan operasi rumah pembungkusan yang efisien (pemilihan, pembersihan, perapian, penggredan, pembasuhan, pengeringan, pembungkusan), pengurusan suhu penyimpanan yang efektif sehingga ke pemasaran.

Antara teknik bagi memanjangkan tempoh hayat hasil segar selepas dituai adalah penyimpanan pada suhu rendah, sistem penyimpanan atmosfera terubahsuai, teknik pembungkusan atmosfera terkawal, salutan permukaan dan sebagainya.

"Teknik-teknik tersebut dapat memperlahankan metabolisme buah (kadar respirasi yang rendah), kehilangan air (transpirasi) dan perubahan kualiti (dari segi rupa luaran dan nutrien) secara mendadak," katanya.

Joanna menambah, buah belimbing didapati tidak bermusim dan mengeluarkan buah empat hingga enam kali setahun.

Buah belimbing dikategorikan sebagai buah bukan klimaterik dan perlu dipetik pada masa yang tertentu kerana buah yang dipetik sebelum matang tidak akan masak ke tahap warna dan citarasa sepenuhnya.

"Untuk Bintang Mas, tempoh penuaian adalah pada 45 hingga 50 hari selepas dibungkus atau apabila buah mula mencapai indeks warna 4 (50 peratus hijau dan 50 peratus kuning).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 6/5/2019 | HARAKAH | NASIONAL | N22 |


# Kerajaan PH tidak sepatutnya beri lesen nelayan vietnam

Oleh **AZIZ MUDA**






> "Saya mewakili Terengganu, meminta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membatalkan semua lesen nelayan 'Ali Baba' ini dan meminta agar kerajaan menyegerakan untuk Akta Perikanan 1985 diganti dengan akta baharu."
>
> – SENATOR USTAZAH NURIDAH MOHD SALLEH

PENCEROBOHAN nelayan Vietnam di Terengganu kini merupakan isu yang sangat serius. Dalam isu ini, nelayan asing Vietnam tradisinya memasuki perairan negara dan melanggar peraturan yang ditetapkan. Kehadiran mereka bakal memusnahkan masa depan nelayan tempatan.

Selain itu, kehadiran nelayan-nelayan asing Vietnam itu juga bakal memusnahkan sumber laut untuk generasi masa depan. Apatah lagi sumber perikanan negeri Terengganu kini sudah sampai ke tahap amaran warna merah kritikal.

Sebelum tahun 2019, semua nelayan Vietnam telah dibatalkan lesennya kerana sikap mereka yang melanggar peraturan. Namun tahun ini, kerajaan baharu Pakatan Harapan (PH) telah kembali memberi lesen kepada sejumlah 100 buah bot pukat tunda Vietnam atas alasan tanpa mereka, sumber ikan di pasaran akan berkurangan dan akan menaikkan harga ikan.

Senator Ustazah Nuridah Mohd Salleh dari Terengganu ketika membangkitkan perkara itu berkata, sedangkan sebenarnya nelayan Vietnam itu tidak menjual di Malaysia tetapi mereka menjual ikan di tengah laut kepada bot haram dari negara mereka untuk pasaran luar.

Menurutnya, mereka juga akan pulang ke Vietnam untuk menjual hasil tangkapan mereka. Keadaan itu menjadikan semua usaha kerajaan negeri Terengganu untuk membangunkan industri perikanan sia-sia kerana pencerobohan tersebut.

Katanya, oleh kerana itulah, tidak hairanlah jika nelayan-nelayan dari Terengganu dan seluruh negara telah membuat demonstrasi besar-besaran anti pencerobohan nelayan Vietnam baru-baru ini.

"Saya mewakili Terengganu, meminta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk membatalkan semua lesen nelayan 'Ali Baba' ini dan meminta agar kerajaan menyegerakan untuk Akta Perikanan 1985 diganti dengan akta baharu.

"Saya minta diwujudkan penyelarasan dalam tindakan dengan mewujudkan task force bagi menyatukan semua pihak berwajib yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang di laut seperti Tentera Laut Diraja Malaysia, Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, perikanan dan polis marin," katanya.

Membangkitkan perkara itu ketika berucap dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, pada persidangan Dewan Negara 25 April lalu, beliau berkata, tetapi hanya Agensi Penguatkuasaan Maritim menjadi kambing hitam setiap kali isu pencerobohan nelayan asing timbul.

"Yang bagi lesen jabatan lain, yang menjadi mangsa adalah APMM," katanya dengan kesedihan dan kekesalan, memikirkan nasib para nelayan di Terengganu khasnya dan di seluruh negara amnya yang semakin tidak menentu akibat kesilapan besar yang telah dilakukan kerajaan PH itu.

### Pengajian Sejarah tinggikan Islam

Sebelum ini, Ustazah Nuridah telah menyentuh tentang penghinaan terhadap Islam dan institusi Raja-raja Melayu yang merupakan isu yang sedang berlaku di negara ini sekarang dan sangat menjolok mata, terutama yang disiarkan melalui laman-laman sosial.

Oleh itu, kerajaan baharu Pakatan Harapan (PH) perlulah memberikan perhatian serius terhadap perkara itu. Salah satu langkah yang dicadangkan oleh beliau, Kementerian Pendidikan perlu mewujudkan satu kelas perlembagaan yang mandatori di sekolah menengah di semua jenis sekolah, termasuk sekolah persendirian.

Katanya, selain itu, pengajian subjek Sejarah mesti ditambah baik kurikulumnya. Hari ini keadaan yang berlaku seolah-olah tiada sebab atau nilai untuk para pelajar belajar Sejarah. Malah, biasanya apabila disebut Sejarah, terkenal apabila baca sahaja tidur atau menjadi kelas *'story telling'* atau bercerita.

"Pengajian subjek Sejarah mesti diusahakan oleh Kementerian Pendidikan agar objektifnya mempunyai nilai bagi mencapai tujuan untuk meninggikan Islam sebagai agama Persekutuan, menghormati institusi Raja dan menjaga perpaduan negara bagi seluruh rakyat amnya. Kerajaan mesti jujur dengan sejarah pembentukan Malaysia dan undang-undang," ujarnya.

Menurut beliau, paling penting, apakah tindakan kerajaan untuk memperkasakan ilmu dan kemahiran guru-guru? Hal ini kerana, mereka yang berperanan untuk menjadikan subjek Sejarah ini diminati, difahami dan akhirnya mampu menyatukan anak bangsa.



Sebahagian 1,150 nelayan dari seluruh negara antaranya Terengganu, Kelantan, Pahang dan Pulau Pinang mengadakan demonstasi aman, membantah nelayan asing memasuki perairan negara dan mendesak kerajaan menghentikan pemberian lesen bot laut dalam kepada nelayan asing, di muara Sungai Terengganu, berhampiran Dataran Shahbandar, di Kuala Terengganu pada 24 April lalu.

### Kempen beli produk halalan toyyiba

Meneruskan perbahasannya, beliau turut membangkitkan mengenai kempen membeli produk halalan toyyiba, dengan meminta pandangan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tentang langkah-langkah yang telah dilakukan berhubung kempen tersebut.

Beliau menegaskan, kempen tersebut penting kepada pasaran rakyat Malaysia, bagi mengkayakan produk tempatan dan memudahkan akses produk halalan toyyiba.

Kempen itu sudah pun didahului oleh Gerakan Pembela Ummah bersama Persatuan Pengguna Islam Malaysia yang dirasmikan oleh Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan pada 2 April lalu dan mendapat sambutan yang menggalakkan.

"Kempen ini tentunya akan turut didukung oleh kaum wanita yang merupakan pemilik kuasa pembeli yang tinggi dan akhirnya membantu kepesatan pembangunan industri pemakanan ini. Selain itu, ianya boleh menjadi identiti unik dalam mempromosi sektor pelancongan Malaysia," katanya.

### Pusat perkhidmatan pendidikan khas

Menyentuh tentang isu murid berkeperluan khas (MBK) dan Orang Kelainan Upaya (OKU), beliau mendedahkan maklumat yang diperolehinya mengenai hanya terdapat dua hospital sahaja yang menyediakan pemulihan bersepadu iaitu Hospital Rehabilitasi Cheras dan Pusat Rehabilitasi PERKESO.

Manakala pada masa ini, bilangan pusat khidmat sokongan untuk bidang pendidikan khas atau Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas sangat terhad dalam memenuhi keperluan pembangunan murid berkeperluan khas.

"Kita ada isu kekurangan kepakaran. Oleh itu, apakah perancangan kerajaan dalam memastikan graduan bahagian jurupulih cara kerja yang dikeluarkan oleh universiti tempatan seperti UiTM dan USM supaya mendapat perjawatan yang selayaknya? Ini kerana perjawatan tidak diwujudkan sedangkan pada masa yang sama perkhidmatan mereka sangat diperlukan," katanya.

Beliau mencadangkan supaya diwujudkan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas di setiap daerah bagi membantu masyarakat yang mempunyai murid yang berkeperluan khas.

Dalam masa yang sama, beliau mencadangkan supaya 13 Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas sedia ada dinaikkan taraf menjadi pusat perkhidmatan yang lengkap-*one stop center*, dikenali sebagai Pusat Perkhidmatan Pakar Perubatan dan Pembangunan Pendidikan Khas yang mempunyai tenaga kepakaran daripada pelbagai bidang.

"Seterusnya, dalam isu pemerkasaan Orang Kelainan Upaya, saya ingin bertanya, apakah langkah proaktif kerajaan dalam memperkasa Majlis Kebangsaan Orang Kelainan Upaya dan Jabatan Pembangunan OKU bagi memastikan fungsi pewartaan Akta OKU 2008 terlaksana?" tanya beliau.

### Remaja hamil luar nikah

Dalam perbahasannya, beliau antara lain turut menyentuh tentang isu pembangunan insan, dengan membangkitkan beberapa isu termasuk kehamilan remaja luar nikah, dengan menegaskan peri pentingnya sistem pencegahan awal yang patut dilakukan oleh pihak kerajaan.

Jadi, pihak kerajaan sepatutnya bukan sekadar menguruskan remaja yang sudah terlanjur, tetapi apakah perancangan kerajaan untuk mengurangkan jumlah remaja hamil luar nikah?

Mengenai isu Tabung Haji, beliau menegaskan bahawa isu tersebut sebenarnya mendatangkan rasa yang sangat tidak selesa kepada pendeposit, tetapi gembirakah kerajaan PH dengan suasana itu dan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan solidarity umat Islam untuk terus yakin dengan Tabung Haji?

Beliau turut mempersoalkan polisi kerajaan yang dikatakan tidak membenarkan sekolah-sekolah rendah dijadikan sebagai pusat pengajian KAFA. Contohnya, di Pandan, satu sekolah agama tujuh buah sekolah rendah, tetapi sekolah KAFA di sebelah petang tidak dibenarkan untuk dijadikan pusat pengajian KAFA.

"Justeru, apakah inisiatif kerajaan dalam memastikan pembelajaran agama yang amat penting bagi pelajar sekolah rendah dapat dinikmati oleh segenap masyarakat?" tanya beliau.